

26/11/1999

Kaji asal usul anggota pakatan pembangkang

MEMBENTUK pakatan politik banyak persamaannya dengan memilih pasangan hidup. Kita sama ada jatuh cinta atau kita minta ibu bapa kita carikan. Pilihan yang tepat menjamin kebahagiaan.

Tetapi selalunya orang berkahwin suka sama suka. Yang ibu bapa tolong pinangkan itupun wajib atas dasar suka sama suka. Kalau tidak jadilah kahwin paksa.

Namun ada satu lagi jenis kahwin paksa iaitu kahwin kerana kena tangkap basah atau kerana hendakkan sesuatu. Apa juga halnya, sebelum kahwin, seseorang itu kenalah selidik dan kenal bakal rakan kongsiya itu.

Demikian jugalah dengan perkongsian politik yang sedang dibuat oleh DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Pas sekarang.

Misalnya, merekalah tahu asal usul rakan kongsi mereka. Tetapi tahu sahaja belum cukup. Mereka kenalah maklumkan kepada pengundi apa yang mereka tahu.

Tak guna mereka tahu tapi tak bagi tahu pengundi.

Misalnya tahukah ahli dan penyokong Pas bahawa DAP itu adalah parti serpihan People's Action Party (PAP) Singapura?

Ia bermula apabila PAP bertanding di Semenanjung Malaysia pada pilihan raya umum 1964. Calonnya, Devan Nair menang kerusi tunggal Bangsar. (Devan Nair kemudiannya jadi Presiden Singapura).

Apabila Singapura disingkirkan daripada Malaysia pada 1965, Nair dan beberapa pemimpin dan penggiat politik lain merancang penubuhan sebuah parti baru. Maka pada tahun 1966, PAP di Malaysia bertukar kulit menjadi Democratic Action Party (DAP) atau Parti Tindakan Demokratik.

Sebab itulah ideologi dan dasar DAP hampir-hampir sama dengan PAP. Kedua-duanya berideologikan sosialis. Malah slogan 'Malaysian Malaysia' itu pun diwarisi daripada Lee Kuan Yew ketika dia menjadi Ahli Parlimen Malaysia.

Waktu itu dia kerap bertikam lidah dengan Syed Jaafar Albar dan Dr Mahathir. Leelah antara orang pertama memberi gelaran 'Malay ultra' atau pelampau Melayu kepada Dr Mahathir.

Dasar 'Malaysian Malaysia' DAP menolak hak istimewa orang Melayu di bawah perlembagaan dan menuntut persamaan hak dan peluang macam Lee amalkan di Singapura.

Kiau tak tahulah sama ada ahli dan penyokong Pas dan Keadilan tahu apa yang berlaku kepada orang Melayu di Singapura.

Pada pilihan raya 1969, DAP memainkan sepenuhnya isu 'Malaysian Malaysia' dan mencabar Dasar Bahasa Kebangsaan yang mula dikuatkuasakan pada 1967.

Pas pula mempertikaikan hak kewarganegaraan bukan Melayu dan mengkafirkan orang Umno kerana bekerjasama dengan bukan Islam.

Kita semua sudah maklum apa yang terjadi kepada negara kita akibat politik 'extreme' (melampau) Pas dan DAP pada pilihan raya 1969. Tak perlulah diingatkan lagi.

Sampai hari ini pun DAP masih memperjuangkan 'Malaysian Malaysia' ala-PAP sedangkan Barisan Nasional (BN) bercita membentuk Bangsa Malaysia melalui Wawasan 2020.

Banyak orang Melayu sendiri keliru mengenai Pas. Mereka sangka Pas parti Islam. Sebenarnya Pas bermula sebagai parti 'extreme' Melayu.

Banyak pemimpin dan ahli asalnya orang Umno yang tidak setuju dengan

sikap sederhana Umno dan kerjasama dengan kaum-kaum bukan Melayu dan bukan Islam.

Mengikut Gordon P Means dalam bukunya *Malaysian Politics*, pada tahun-tahun awal penubuhannya, Pas bergiat melalui Umno untuk memperjuangkan matlamat politiknya.

Banyak pemimpin awal Pas sebenarnya nasionalis Melayu yang 'extreme' yang terpengaruh dengan nasionalisme Indonesia dan Arab. Mereka tidak boleh terima kerjasama dengan bangsa dan agama lain.

Sebab itulah mereka gunakan label 'Islam' bagi parti mereka - Parti Islam Setanah Melayu atau Inggerisnya, Pan-Malayan Islamic Party. Daripada mana datang singkatan 'Pas' itu Kiau tak pasti. Kalau ikut nama sebenar, singkatannya tentulah 'Pis'.

Itu fakta sejarah. Tetapi tahukah ahli dan penyokong Pas siapa sebenarnya rakan-rakan kongsi parti mereka dalam barisan pembangkang yang sekarang tidur setilam dengan mereka?

Kenalkah mereka siapa Lim Kit Siang dan Karpal Singh sebenarnya? Tahukah mereka apa kepakaran dan kecenderungan Karpal Singh sebagai peguam? Tahukah mereka siapa yang kerap Karpal Singh bela di mahkamah selain pembunuh, pengedar dadah dan perasuah?

Cuba tanya Datuk Fadzil Noor, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Boleh jadi mereka sendiri tak tahu.

Jadi kita kenalah berjaga-jaga kerana apa yang tersirat dalam pakatan pembangkang tidak seindah yang tersurat. Atau lebih dahsyat lagi.

(END)